

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**SBW301 - Perancangan dan Pengurusan Projek**

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **Soalan 1** di Bahagian I dan **DUA (2)** soalan yang lain di Bahagian II.

**Bahagian I (50 markah)**

Jawab Soalan 1.

**Soalan 1**

Terangkan dengan ringkas maksud perkara berikut:

- (a) Analisis Faedah-Kos
- (b) Kadar faedah
- (c) Kadar Diskaun Sosial
- (d) Nisbah Faedah-Kos
- (e) Kadar Pulangan Dalaman
- (f) Pelawaan Mengemukakan Cadangan
- (g) Kitaran-Hayat Projek
- (h) Struktur Pembahagian Kerja
- (i) Matriks Penilaian Risiko
- (j) Pengurusan Perubahan

**Bahagian II-(50 markah)**

Jawab **DUA (2)** daripada tiga soalan berikut.

**Soalan 2**

- (a) Senarai dan bincangkan dengan ringkas tahap-tahap delegasi yang boleh diserahkan kepada seorang lain dalam pasukan projek. Jawapan anda mestilah disertai rajah yang bersesuaian serta dilabelkan dengan lengkap.

Kenapa ada pengurus yang bersedia mendelegasi dan ada pula yang tidak bersedia mendelegasi kepada seorang lain dalam pasukan?

- (b) Senaraikan tiga (3) bahagian utama dalam Kertas Cadangan Projek. Apakah tujuan setiap bahagian tersebut?

Mestikah cadangan projek yang termurah dianggap baik dan wajar diterima? Bincangkan pilihan anda.

**Soalan 3**

“Negara merancang projek pembangunan kerana hendak mencapai visi dan objektif negara. Begitu juga sesebuah syarikat perniagaan merancang untuk mencapai objektif perniagaannya.”

- (a) Berasaskan ungkapan di atas, bincangkan dengan – kritis, segala persamaan dan perbezaan antara kedua-dua institusi tersebut dalam merancang dan menentukan keperluan projek masing-masing.
- (b) Kenapa perancangan projek itu penting? Senaraikan langkah-langkah yang perlu dibuat dalam membuat perancangan projek yang baik.

**Soalan 4**

- (a) Senaraikan elemen ‘Faktor Kejayaan Kritikal’ (Critical Success Factors – (CSF)) bagi seorang pengurus projek. Kenalpasti dan huraikan lima elemen yang dianggap amat penting.

Apakah perbezaan CSF bagi seorang pengurus projek dengan ciri kejayaan seorang individu yang terlibat dalam bidang yang berlainan (contoh guru)?

- (b) Senaraikan jenis kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang pengurus projek yang berkesan. Bagaimanakah kemahiran ini boleh diperolehi?